

Pelajar antarabangsa UMP di Cherok Paloh

UMP(1410) Ramadhan 6/7/11 m/s26

KUANTAN 5 Julai - Perbezaan budaya dan bahasa tidak menjadi halangan kepada 60 pelajar antarabangsa dan tempatan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai program ramah mesra bersama penduduk kampung di pantai baru Cherok Paloh, Pekan, baru-baru ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program tersebut merupakan platform kepada pelajar antarabangsa dan penduduk untuk berinteraksi dan mengetahui cara hidup dan budaya yang diamalkan di negara ini.

Menurutnya, secara tidak langsung mereka dapat mempromosikan negara ini di serata dunia selain mengeratkan hubungan bersama warga global di luar universiti.

"Penuntut terbabit dapat menimba ilmu, memperoleh pengalaman, berkongsi budaya yang mana cara ini akan melahirkan mahasiswa berketrampilan serta berwibawa daripada segala aspek," katanya ketika ditemui pemberita selepas program tersebut.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Wanita negeri, Datuk Shafik Fauzan Sharif dan Ketua Kampung Cherok Paloh, Ali Adam.

Program anjuran Pejabat Antarabangsa UMP itu memberi peluang kepada mereka menyelami rutin kehidupan masyarakat kampung tersebut.



DAING Nasir (tengah) bersama sebahagian daripada 60 pelajar antarabangsa UMP serta penduduk kampung menikmati makan malam sempena program ramah mesra bersama penduduk kampung di Cherok Paloh, Pekan, baru-baru ini.

Selain itu pelajar antarabangsa terbabit turut menyertai aktiviti sukan rakyat seperti permainan congkak, sepak raga, tarik upih, terompah gegasi, dan tarik tali.

Seorang pelajar dari Pakistan, Salman Ahmad, 32, berkata, dia tidak

akan melupakan pengalaman ketika berada mesra dengan penduduk kampung di sini.

"Layanan yang diberikan amat memuaskan dan saya seronok apabila pertama kali melakukan aktiviti menjala ikan," ujarnya.

Rakannya yang berasal dari China, Feng Li @ Haimah Daud, 22, berkata, beliau tidak akan dapat melupakan pengalaman bermalam di dalam khemah dan mengenali kehidupan masyarakat yang kebanyakannya nelayan.